

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

'Harga mahal pun tetap merokok juga'

Rakyat tidak peduli walaupun fatwa mengenai rokok sudah dikeluarkan

RAZIATUL HANUM A.RAJAK

KUALA LUMPUR

Harga rokok yang mahal tidak menyekat perokok tegar daripada merokok di negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata meskipun fatwa telah dikeluarkan namun perokok tegar bandar tetap tidak peduli.

"Persoalan itu sentiasa dalam perhitungan kementerian. Ia bukan lagi soal halal dan haram.

"Merokok sejenis ketagihan dan kebergantungan sampaikan peringkat walau apa pun fatwa, berapa pun harganya mereka tetap merokok," katanya kepada Dewan Rakyat ketika sesi soalan tambahan.

Sebelumnya, Datuk Seri Dr Ismail Mohamed Said (Kuala Krau-BN) membangkitkan soal kemungkinan kerajaan akan kembali berbincang dengan Majlis Fatwa Kebangsaan tentang hukum merokok.

"Jelas menteri kata ada imbalan antara keuntungan rokok dengan kerugian kesihatan. Tahun 2015 negara kerugian RM4 bilion kerana perokok tegar ambil rokok seludup dari negara jiran, maknanya kempen tak nak merokok tidak berjaya.

"Adakah kementerian akan berbincang semula dengan Majlis Fatwa dan mesti diambil tindakan tegas bersa-



DR DZULKEFLY

ma Jakim? Bagi hukum vape, adakah akan diambil tindakan? Saya tidak merokok," katanya ketika mengemukakan soalan tambahan.

Wong Chen (Subang-PH) sebelumnya bertanya sama ada kerajaan mempertimbangkan untuk menaikkan cukai rokok seperti cadangan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"WHO cadangkan duti eksais 75 peratus bagi sebatang rokok, adakah Malaysia akan pertimbangkan? Sekarang kita kenakan 53 peratus bagi setiap batang rokok," katanya.

Dr Dzulkefly berkata pihaknya memperhitungkan kaitan antara kenaikan cukai dengan penularan rokok haram di pasaran gelap.

"Kita bukan sahaja perhitungkan kenaikan, pada waktu yang sama juga (perhitungkan) apa yang tular dalam pasaran gelap. Rokok haram berleluasa kalaulah harga rokok itu pada paras yang kita naikkan sehingga ia tidak lagi mampu bagi mereka yang berpendapatan rendah lalu mereka mencari rokok haram ini di pasaran gelap.

"Ia sekaligus akan mendedahkan mereka kepada penyakit-penyakit kronik termasuk kanser," katanya.